

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/1990

Oktober/November 1989

BOO 449/2 Perlakuan Sosial Bandingan Haiwan

Masa: [2 jam]

Bahagian A adalah **Wajib** dan mengandungi **DUA** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. **DUA** soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

(BOO 449/2)

Bahagian A (Wajib)

1. Anda diminta mengkaji sama ada metil testosterone (0.2mg/liter) yang dirawat di dalam air tanki (10 liter) yang ada ikan gapi jantan untuk selama 3 minggu mempengaruhi perlakuan mengawan ikan jantan tersebut. Ikan ini boleh ditangkap dengan sauk di parit berhampiran pagar USM. Huraikan langkah-langkah yang anda akan ambil untuk mencapai objektif projek tersebut.

(20 markah)

2. Tuliskan nota ringkas mengenai 2 tajuk dari yang berikut:-
 - (a) Poliandri
 - (b) Feromon
 - (c) Perlakuan altruistik

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:-)

3. Interaksi sosial di antara anak dan (induknya) adalah berbeza di dalam ikan dan unggas. Ianya mencerminkan salah satu ciri strategi pembiakan spesies tersebut. Bincangkan kenyataan di atas dengan menggunakan contoh-contoh spesifik.

(30 markah)

(BOO 449/2)

4. Bergantung kepada spesies, pertumbuhan organisasi sosial yang stabil memerlukan beberapa prasyarat dipenuhi dan biasanya melibatkan pelbagai jenis interaksi perlakuan. Bincangkan.

(30 markah)

5. Kewilayahan hanya dipamirkan oleh sebilangan spesies. Walaupun ianya adalah banyak faedah, perlakuan ini tidak ditunjukkan oleh banyak spesies lain. Bincangkan kenyataan ini dengan rujukan kepada spesies-spesies spesifik.

(30 markah)

-ooo0ooo-